

09 AUG 1997

Mahathir-Parti

BN KEKAL SEBAGAI GABUNGAN, KATA PM

KUALA LUMPUR, 9 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Barisan Nasional (BN) belum bersedia untuk menjadi satu parti dan akan kekal sebagai sebuah gabungan sehingga idea satu parti itu dapat diterima oleh semua pihak.

Katanya, BN akan menjadi gabungan bagi menjaga kepentingan semua parti komponennya termasuk parti yang mempunyai suara minoriti.

"Kita berpendapat bahawa bukan sahaja kita akan meneruskan cara BN ini, iaitu kita tidak akan menjadi sebuah parti. Sebaliknya terus menjadi 'coalition' (gabungan) kerana dalam 'coalition' tiada sesiapa yang kehilangan suara kerana mereka puak minoriti," kata Pengerusi BN itu pada persidangan berita selepas mempengerusikan mesyuarat Barisan Nasional (BN) di sini.

Ketika ditanya bilakah pembentukan satu parti BN dapat menjadi realiti, Dr Mahathir berkata: "Kita berpendapat masa itu belum tiba. Masa itu tiba bila kita semua lupa bahawa kita adalah orang Melayu, China, India, Jepun atau orang apa pun, kita kira kita orang Malaysia sahaja."

Katanya, pada masa ini masih wujud sekolah kebangsaan Melayu, jenis kebangsaan Cina dan Tamil yang menjadikan kaum-kaum di negara ini masih terasing.

Perdana Menteri berkata, parti gabungan perlu ada bagi menjaga kepentingan-kepentingan berkenaan.

"Dalam 'coalition', masing-masing akan dapat suara. Kalau kita ada satu parti, orang yang menjadi majoriti dalam parti mungkin akan bolot semua tempat dalam parti itu dan yang kecil tidak dapat cukup undi," katanya.

Apabila ditanya sama ada keputusan mengekalkan BN sebagai satu gabungan tidak konsisten dengan cadangan mewujudkan bangsa Malaysia, Dr Mahathir berkata: "Kita sedang berusaha mewujudkan bangsa Malaysia. Tetapi sehingga sekarang ini, kita belum dapat mewujudkan bahasa kebangsaan."

Merujuk kepada sesetengah pihak yang mempertikaikan sama ada bahasa Melayu wajar dikenali sebagai bahasa kebangsaan, Dr Mahathir berkata: "Ada pihak yang berkata ini bukan bahasa kebangsaan, ini bahasa Melayu."

"...Dan marah kalau dipanggil bahasa kebangsaan. Jadi kalau dia bukan bahasa kebangsaan, dia bahasa Melayu untuk orang Melayu sahajalah."

Dr Mahathir berkata, sehingga kini usaha mewujudkan bangsa Malaysia diteruskan oleh kerajaan walaupun terdapat pelbagai halangan dari banyak pihak.

Apabila ditanya sama ada halangan itu berpunca dari dalam parti BN sendiri, beliau berkata: "Ada 'in', 'out', tepi, atas, bawah termasuk dari media sama."

Setiausaha Agung BN Datuk Mohamed Rahmat ketika diminta mengulas mengenai pengekalan BN sebagai sebuah gabungan itu berkata, adalah ideal bagi Malaysia untuk mewujudkan satu parti BN, bagaimanapun masanya belum tiba.

"...Kerana kita masih lagi menghadapi masalah kedaerahan, 'communal' (perkauman), namun begitu usaha ke arah itu mesti terus kita buat. Kita ambil contoh parti Umno. Dulu hanya terbuka kepada orang Melayu sahaja tapi sekarang terbuka untuk golongan Bumiputera tanpa mengira agama," katanya.

Usaha mewujudkan satu parti tanpa mengira kaum, agama dan aspek kedaerahan memerlukan masa yang agak lama dan hanya boleh dilakukan secara beransur-ansur.

Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik pula menegaskan bahawa masa

dan keadaan sekarang belum memungkinkan parti-parti komponen BN dibubarkan menjadi satu parti walaupun ia adalah satu idea yang baik.

"Idea-idea yang terbaik perlu dilaksanakan pada masa yang sesuai. Jika cadangan yang terbaik dijalankan pada masa yang tidak sesuai, idea itu akan gagal," katanya.

Presiden Parti Gerakan Datuk Seri Lim Keng Yaik pula berkata, bagi menjadikan BN satu parti yang mewakili semua kaum akan memakan masa kerana ia bergantung kepada persepsi rakyat yang kebanyakannya masih menitikberatkan asal dan keturunan.

"Tetapi kita ada program untuk mewujudkan bangsa Malaysia pada tahun 2020. Tengoklah pada waktu itu jika rakyat ada keyakinan mengenai satu bangsa Malaysia, tidak kira asal keturunan mereka, mungkin BN boleh dijadikan satu parti," katanya.

Presiden Parti Maju Sabah (SAPP) Datuk Yong Teck Lee berkata idea satu parti itu akan menjadi satu kemungkinan pada masa depan.

Yong berkata dalam konsep BN kini, kepentingan parti komponen sama ada parti besar atau kecil sentiasa terpelihara.

Presiden Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS) Datuk Leo Moggie berkata konsep gabungan dalam BN paling praktikal kerana "masanya belum tiba untuk rakyat melupakan bangsa masing-masing kerana memang begitu kedudukan negara kita."

Katanya, rakyat dan keadaan negara kini belum bersedia menerima hakikat bahawa satu parti merangkumi semua bangsa boleh bergerak dengan lebih maju daripada konsep gabungan sekarang. -- BERNAMA

TEAM NMO